

Peruntukan RM657.9 juta untuk program sukan

UM 13 SEP 2003
KUALA LUMPUR 12 Sept. — Sukan terus mendapat perhatian serius daripada kerajaan yang memperuntukan RM657.9 juta pada tahun 2004 untuk menjayakan beberapa program termasuk persiapan atlet ke Sukan Olimpik di Athens tahun depan.

Peruntukan kepada Kementerian Belia dan Sukan itu juga sebagai persediaan dalam meningkatkan kemajuan atlet agar terus mempamerkan prestasi cemerlang di arena antarabangsa seterusnya mengharumkan nama Malaysia.

Harapan tersebut diluahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahukan kejayaan terdahulu daripada atlet negara di peringkat antarabangsa menjadi perangsang untuk merebut kembali kecemerlangan dalam bidang sukan.

Selain itu, kata Perdana Menteri, perhatian terhadap sukan perlu berdasarkan negara juga akan sekali lagi menjadi tuan rumah Sukan Lasak untuk tahun ketiga.

Daripada jumlah tersebut, peruntukan permulaan sebanyak RM50 juta akan disediakan untuk program riadah.

“Bagi meningkatkan kegiatan riadah di kalangan orang ramai terutamanya belia, kerajaan akan memulakan satu program bagi menyediakan kemudahan riadah sebagai satu keperluan wajib dalam semua projek pembangunan perumahan baru,” katanya ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Di samping itu, kata Perdana Menteri, semua pihak berkuasa tempatan dikehendaki menyediakan kemudahan seperti taman-taman, padang permainan dan kawasan rekreasi untuk aktiviti seperti ‘jogging’.

Sebelum itu, Dr. Mahathir mengimbau kejayaan beberapa atlet negara di peringkat antarabangsa sehingga mengharumkan nama Malaysia.

“Kerajaan berbangga di atas kejayaan demi kejayaan yang dicapai oleh atlet sukan negara dalam mengharumkan nama Malaysia di pentas antarabangsa.

“Terkini, perenang maraton negara (Datuk Abdul Malik Mydin) merupakan warga pertama Asia Tenggara berjaya merenangi Selat Inggeris.

“Dengan ketahanan fizikal dan kekuatan mental serta kecekalan semangat, ombak besar setinggi tiga meter dapat diharungi, air laut sesejuk air batu berjaya ditahani,” tambah beliau.

Selain Abdul Malik, kata Dr. Mahathir, pemain badminton perseorangan negara (Mohamad Hafiz Hashim dan Wong Choong Hann) turut melakar kejayaan negara di peringkat tersebut.

“Pemain badminton kita telah berjaya menjadi juara dan naib juara di kejohanan Seluruh England dan Kejohanan Badminton Dunia.

Beliau mengambil contoh kejayaan Mohamad Hafiz yang muncul juara Seluruh England dan Choong Hann selaku naib juara Kejohanan Badminton Dunia di Birmingham baru-baru ini.

Dr. Mahathir berkata, pencapaian mereka bukan sekadar menambahkan rekod kejayaan wira negara malah membuktikan bahawa dengan disiplin, dedikasi dan semangat waja, rakyat Malaysia boleh mencapai kejayaan dalam apa bidang sekalipun.